

08 APR 2003

Abdullah-Pembangkok

TINDAKAN PEMBANGKOK KELUAR DEWAN CARI ISU POLITIK, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Tindakan anggota Parlimen pembangkang memulaukan pengundian persempadanan kawasan pengundian baru adalah untuk mencari isu politik dan berharap mendapat sokongan di luar Dewan Rakyat, kata Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Mereka hendak mencari isu politik dan dengan isu politik itu mereka harap mereka akan mendapat sokongan di luar dewan. Pada hal segala hujah-hujah telah diberikan.

"Kalau pembangkang tidak boleh mencari sebab untuk membangkok, ertinya mereka bukan pembangkang. Majoriti telah bersuara...majoriti telah membuat keputusan," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini hari ini.

Mengenai keputusan 144 pengundian bersetuju dengan usul mengenai laporan kajian semula dan persempadanan bahagian pilihan raya bagi semua negeri kecuali Sarawak, Abdullah berkata ia adalah keputusan yang baik kerana melebihi 50 peratus undi majoriti dan semua undi itu datangnya dari wakil rakyat Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata pihak pembangkang mempunyai hak untuk mengundi terhadap keputusan itu di Dewan Rakyat tetapi mereka tidak mahu menggunakan hak mereka itu.

Katanya, pembangkang telah memilih untuk melangkah keluar dan protes daripada mengundi menentang kedua-dua usul berkenaan.

"Seolah-olah jika mereka mengundi itu...macam ia akan membawa perbezaan kepada keputusannya," katanya.

Jika pembangkang tetap dengan keputusan mereka membangkok hasil keputusan pengundian yang dibuat mengenai persempadanan semula kawasan pilihan raya, Abdullah berkata adalah tidak wajar bagi pembangkang untuk bertanding di kawasan-kawasan pilihan raya yang hendak diwujudkan itu.

"Tak usahlah bertanding. Beri Barisan Nasional menang tanpa bertanding," katanya.

Abdullah turut membidas dakwaan pembangkang yang menuduh kerajaan membentangkan usul persempadanan semula itu sebagai tergesa-gesa disebabkan kerana hendak mengisytiharkan pilihan raya umum dalam tempoh yang terdekat.

"Mereka tak percaya dengan kata (Perdana Menteri Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad bahawa pilihan raya tidak akan diadakan sehingga Oktober). Semua ini adalah andaian-andaian yang menunjukkan seolah-olah kita tidak ada hati dan kita tipu dia (pembangkang)," katanya.

Ketika ditanya sama ada BN boleh memenangi pilihan raya di kawasan yang baru, beliau berkata kerajaan sentiasa mempunyai keyakinan untuk memenangi sesuatu kawasan itu.

Mengenai dakwaan pembangkang bahawa persempadanan semula itu akan memberi peluang yang luas kepada BN untuk memenangi pilihan raya umum akan datang, Abdullah berkata dalam apa jua situasi, BN akan bekerja keras bagi mencapai kemenangan.

"Tapi yang buat persempadanan semula itu adalah kerja Suruhanjaya Pilihan Raya. Dia (pembangkang) boleh buat macam-macam andaian. Perangai pembangkang memang macam itu, kita (BN) tidak pernah betul," katanya.

Beliau berkata peraturan mengenai persempadanan semula kawasan pilihan raya yang dibuat oleh SPR dan diserahkan kepadanya itu, sebenarnya tidak lagi boleh dipinda,

"Selepas tengok peraturan Perlembagaan mengenai peraturan pindaan, saya hendak simpan buat apa. Kalau saya simpan nanti akan ada tuduhan. Kalau

saya tidak bawa dalam Parlimen April ini (bulan ini), apa mereka (pembangkang) akan kata.

"Mereka akan kata laporan sudah diberi kepada Pak Lah (Abdullah) selaku Pemangku Perdana Menteri, mengapa simpan lama sangat. Nanti mereka akan kata pula Pak Lah tak reti (tahu) baca ke dalam perlembagaan yang kata secepat boleh saya kena serah pada Parlimen untuk dibentang, dibahas dan diputuskan," katanya.

Abdullah menjelaskan adalah sukar bagi memuaskan hati semua orang kerana bukan sahaja pembangkang yang rasa tidak puas hati tetapi juga pada segelintir anggota Parlimen BN.

Ketika ditanya pemberita mengapa persempadanan semula kawasan pilihan raya itu perlu dibuat dahulu sebelum diadakan pindaan Perlembagaan, Abdullah berkata ia bagi memastikan tiada masalah timbul jika pindaan Perlembagaan itu lambat dibuat.

-- BERNAMA

FA HS MOZ